

LIVE-WELL® MECOMIN FORTE TABLET

Mecobalamin (500mcg), Vitamin B1 (Thiamine) (100mg), Vitamin B6 (Pyridoxine) (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Live-well® Mecomin Forte
2. Bagaimana Live-well® Mecomin Forte berfungsi
3. Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin Forte
4. Cara menggunakan Live-well® Mecomin Forte
5. Semasa menggunakan Live-well® Mecomin Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well® Mecomin Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Live-well® Mecomin Forte

Live-well® Mecomin Forte digunakan sebagai rawatan kepada sakit saraf, kebas, rasa semut-semut, rasa panas, kehilangan deria sentuhan dan lumpuh akibat neuropati periferai yang berkaitan dengan diabetes seperti kerosakan saraf diabetik dan polyneuritis (keradangan saraf-saraf).

Bagaimana Live-well® Mecomin Forte berfungsi

Live-well® Mecomin Forte adalah gabungan daripada tiga kumpulan vitamin B neurotropik penting iaitu B1 (Thiamine), B6 (Pyridoxine), dan Mecobalamin. Mereka adalah penting untuk metabolisme sel saraf normal. Vitamin B1 terlibat dalam metabolisme karbohidrat dan transmisi saraf. Vitamin B6 mempunyai sifat analgesik dan juga diperlukan untuk pembentukan haemoglobin. Mecobalamin berfungsi untuk membaiki tisu saraf yang rosak dalam gangguan saraf seperti degenerasi sel saraf (degenerasi aksonal) dan lapisan

pelindung di sekitar saraf yang rosak (demyelination). Ini dapat memulihkan saraf yang rosak dan melindungi kerosakan saraf untuk mencegah timbulnya dan ulangan kerosakan saraf yang berkaitan dengan diabetes.

Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin Forte

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Live-well® Mecomin Forte jika anda hipersensitif terhadap sebarang komponen dalam produk yang mengandungi vitamin B

- Mengandung atau sedang menyusu anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil produk ini.

- Sebelum menggunakan Live-well® Mecomin Forte

Baca arahan produk dan risalah ini secara teliti untuk memahami cara menggunakan produk ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil neomisin, asid animosalisilik, antagonis histamin H₂, dan kolchisin kerana penyerapan Mecobalamin dari saluran gastrousus mungkin berkurang. Kepekatan serum mungkin berkurang dengan penggunaan kontraseptif oral secara serentak.

Piridoksin mengurangkan kesan levodopa, tetapi ini tidak berlaku jika sebatian penghalang dekarboksilase dopa juga diberikan. Piridoksin mengurangkan aktiviti altretamin. Ia juga dilaporkan mengurangkan kepekatan serum fenobarbital dan fenitoin. Banyak ubat boleh meningkatkan keperluan piridoksin; ubat-ubat tersebut termasuk hidralazin,

isoniazid, penisilamin, dan kontraseptif oral.

Cara menggunakan Live-well® Mecomin Forte

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan pada sisip dengan teliti.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Dewasa: Ambil 1 tablet 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa menelan seluruh tablet dengan segelas air.

- Berapa lama perlu digunakan

Seperti dos yang dicadangkan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan mengenai dos berlebihan thiamin dan mecobalamin. Dos pyridoxine yang tinggi (2-6g/hari) dalam tempoh yang panjang telah dikaitkan dengan neuropati sensori yang teruk.

Semasa menggunakan Live-well® Mecomin Forte

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos anda seperti yang diberikan dalam risalah ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bungkusan selepas 'EXP'. Tarikh luput ini merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Pemantauan darah adalah

LIVE-WELL® MECOMIN FORTE TABLET

Mecobalamin (500mcg), Vitamin B1 (Thiamine) (100mg), Vitamin B6 (Pyridoxine) (200mg)

dinasihatkan.

- Penggunaan dos besar Mecobalamin untuk jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan jika pekerjaan anda memerlukan pengendalian merkuri atau sebatianya.

Kesan-kesan sampingan

Jangan risau dengan senarai kemungkinan kesan sampingan. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

- Gastrosus: Simptom-simptom seperti anorexia, loya atau cirit-birit mungkin akan berlaku dengan tidak kerap
- Dermatologi: ruam kulit mungkin berlaku dengan jarang.
- Lain-lain: Sakit kepala, berpeluh, rasa panas dan hipersensitiviti terhadap mana-mana komponen tablet.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Live-well® Mecomine Forte

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan dan cahaya.

- Pelupusan

Produk ini tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem berbentuk bulat berwarna kelabu.

- Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif

Mecobalamin 500 mcg, Vitamin B1 (Thiamine) 100 mg and Vitamin B6 (Pyridoxine) 200 mg.

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose, Sodium Starch Glycolate, Magnesium Stearate, Colloidal Silicon Dioxide, Opadry Amb II Grey and purified water.

- MAL number

MALXXXXXXXXX

Pengilang &

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979 Jalan Teratai
5 ½ Mile off Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

25/09/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/154